



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 16 JULAI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	NEGERI SEMBILAN BENAR AKTIVITI JUAL DAGING UNTUK MANTAI AIDILADHA, NEGERI JOHOR/MELAKA/N.SEMBILAN, SH -28 30 TAHUN 'DISERANG' LALAT, LOKAL, HM -18 LEBIH 30 TAHUN 'DISRANG' LALAT, NEGERI PERAK, SH -29 30 TAHUN PENDUDUK 'DISERANG' LALAT, NASIONAL, BH -23	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
5. 6.	DANA RM400J BANTU PETANI, PELDANG, NELAYAN, NASIONAL, BH -8 DURIAN PADUKA KEBANGGAN PERAK, DALAM NEGERI, UM -13	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/7/2021	SINAR HARIAN	NEGERI JOHOR/ MELAKA/N9	28

Negeri Sembilan benar aktiviti jual daging untuk mantai Aidiladha

SEREMBAN - Kerajaan Negeri Sembilan membenarkan aktiviti menjual daging untuk mantai iaitu tradisi melapah daging sempena Aidiladha.

Pengarah Keselamatan Majlis Keselamatan Negara (MKN) Negeri Sembilan, Roslin Hisham Abd Hamid berkata, kebenaran hanya diberi kepada penjualan daging sudah siap dipotong dan dilapah.

Tegas beliau, aktiviti berkumpulan secara beramai-ramai atau menjalankan ibadah korban di Negeri Sembilan masih tidak dibenarkan berikutan keputusan kerajaan negeri untuk menangguhkan ibadah korban pada tahun ini.

“Tiada masalah kalau setakat menjual daging sudah siap dilapah termasuk membuat jualan di tepi jalan. Aktiviti menyembelih, memotong, melapah dengan melibatkan orang ramai tanpa kawalan serta tiada penjarakan sosial atau sebagainya sama sekali tidak dibenarkan.

“Aktiviti sembelihan dilakukan di rumah sembelihan berdaftar yang diuruskan oleh Jabatan Veterinar. Kalau untuk penjualan daging tiada halangan kerana ia sama seperti peniaga serta penjaja yang dibenarkan berniaga di bawah kuasa, lesen dan permit PBT (Pihak Berkuasa Tempatan),” katanya kepada *Sinar Harian* pada Khamis.

16/7/2021

HARIAN METRO

LOKAL

18

30 tahun 'diserang' lalat

Manjung: Sejak kira-kira 30 tahun lalu lebih 1,000 penduduk di empat kawasan di Ayer Tawar di sini, mendakwa hidup dalam keadaan tidak selesa akibat gangguan lalat.

Masalah lalat itu dipercayai berpunca daripada penempatan ayam secara terbuka yang didakwa dijalankan berhampiran dengan penempatan penduduk di Taman Iswara, Kampung Batu 19, Taman Ilham dan Ladang Bilban.

Penduduk Taman Iswara, K Kumaran, 41, berkata, kehadiran lalat semakin bertambah terutama pada waktu najis ternakan itu dibawa keluar daripada reban ayam.

"Saya percaya masalah ini disebabkan ternakan ayam kira-kira 500 meter dari rumah dan kami terpaksa berhadapan dengan 'serangan' lalat serta bau najis ayam. Malah, bau busuk lebih kuat ketika hujan.

"Mahu memasak selain makan pun jadi tak selesa, malah anak yang sedang mengikuti kelas Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) juga tidak selesa," ka-



MASALAH lalat dipercayai berpunca daripada kegiatan penernakan ayam tidak jauh dari penempatan penduduk.

aduan kepada wakil rakyat, Jabatan Veterinar dan Majlis Perbandaran Manjung (MPPM), bahkan berjumpa pengurus minta supaya menjaga kebersihan, tetapi ia tetap tidak selesai juga.

"Justeru, kami harap pihak berkaitan dapat mengambil tindakan berkaitan masalah ini dengan menutup terus reban terbabit atau dipin-



KUMARAN menunjukkan pekat yang diperubhi lalat.

dahkan ke lokasi jauh daripada penduduk," katanya yang juga anak jati kawasan berkenaan.

Penduduk Kampung Batu 19, S Hakesh Kumar, 25, berkata, masalah itu juga dihadapi penduduk terutama warga emas.

Katanya, jarak antara rumah dengan reban berkenaan terlalu dekat iaitu kira-kira 50 meter dan menyalak lori ayam akan keluar masuk tiga kali seminggu.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Perak Dr Ahmad Shafri Hassan berkata, ada dua pengusaha ternakan ayam di kawasan berkenaan yang mempunyai lesen dan memang dalam pemantauan serta siasatan pihaknya.

Menurut beliau, kedua-dua reban ketika ini sudah kosong dan diarahkan untuk tidak membawa masuk anak ayam baru susulan aduan diterima.

16/7/2021

SINAR HARIAN

NEGERI PERAK

29

Lebih 30 tahun 'diserang' lalat

Kira-kira 1,000 penduduk Ayer Tawar gesa masalah lalat yang dihadapi mereka diatasi segera

Oleh NOOR AINON MOHAMED YUSOF

BERUAS

Lebih 1,000 penduduk di empat penempatan di Ayer Tawar di sini mendesak pihak berkaitan segera membantu menyelesaikan masalah lalat yang sudah mengganggu kehidupan mereka sejak lebih 30 tahun lalu.

Masalah itu didakwa berpunca daripada perusahaan ternakan ayam yang terletak kira-kira 500 meter dari kawasan penduduk dari Taman Iswara, Kampung Batu 19, Taman Ilham dan Ladang Bilhan di sini.

Penduduk, S Hakesh kumar, 25, berkata, dia sekeluarga sudah tidak tahan dengan masalah gangguan lalat berikutan rumahnya antara yang paling hampir dengan ladang ayam berkenaan.

Menurutnya, keadaan itu menyebabkan ibunya, R Devika, 50, yang menghidap leukemia bertambah tertekan.

"Gangguan lalat berlaku siang dan malam. Pintu dan tingkap rumah sentiasa ditutup.

"Ibu memerlukan penjagaan rapi, masakan yang dimasuki lalat terus dibuang demi kesihatan ibu. Kebanyakan makanan akan membazir kerana kotor di hujung lalat," katanya ketika ditemui di sini pada Khamis.

Menurutnya, aktiviti penernakan dengan membawa keluar ayam dan najis menyebabkan kan laluan berhampiran rumahnya dan persekitaran kawasan penduduk berbau busuk.

"Setiap minggu lebih tiga atau empat lori akan keluar masuk membawa ayam-ayam dan



Kumaran menunjukkan pelekat yang diponuhi lalat yang menyebabkan mereka sekeluarga rimas menjalani kehidupan seharian.

sisa najis dan air kotor dari kenderaan itu memenuhi laluan rumah kami.

"Sudahlah banyak lalat ditambah dengan bau busuk. Kami sudah tidak tahan sudah seperti tinggal dalam ladang ayam pula. Keadaan ini menyebabkan penduduk berasa rimas," katanya.

-K. Kumaran, 41, pula berkata, mereka sudah tidak tahar 'diserang' lalat selain perlu sentiasa berkurung dalam rumah.

Katanya, masalah berkenaan sudah diajukan kepada pelbagai pihak sejak beberapa tahun lalu, namun tiada tindakan diambil.

"Pelbagai usaha dilakukan dengan membeli pelekat lalat dan sebagainya tetapi masalah ini

berlarutan tanpa ada kesudahan kerana pengusaha terbabit menjalkan ternakan secara terbuka dan bukannya secara moden.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Perak, Dr Ahmad Shafri Hassan memaklumkan lokasi berkenaan kini di bawah pemantauan dan siasatan pihaknya selepas menerima aduan tersebut.

"Terdapat dua pengusaha ternakan ayam bertesen di kawasan itu. Kedua-dua reban ketika ini sudah kosong dan mereka diarahkan untuk tidak membawa masuk anak ayam baharu susulan aduan yang diterima.

"Kita akan keluarkan notis untuk mengganggu sementara operasi ternakan itu untuk kita melihat semua aspek," katanya.

Jelasnya, lesen penternakan boleh dibatalkan sekiranya pengusaha gagal mematuhi arahan serta melakukan penambahan bagi menangani masalah itu.



Kumaran menunjukkan pekat dipenuhi lalat yang datang dari reban ayam berhampiran rumah penduduk.
(Foto Noor Hidayah Tanzizi/BH)

30 tahun penduduk 'diserang' lalat

Lebih 1,000
penduduk di Ayer
Tawar mangsa
ternakan ayam
secara terbuka

Oleh Noor Hidayah Tanzizi
bhnews@bh.com.my

Manjung: Lebih 1,000 penduduk di Ayer Tawar, di sini, hidup tidak selesa kerana gangguan lalat sehingga menyukarkan mereka menjalani kegiatan harian, sejak lebih 30 tahun lalu.

Masalah serangga itu dipercayai berpunca daripada penternakan ayam secara terbuka berhampiran Taman Iswara, Kampung Batu 19, Taman Ilham dan Ladang Bilhan.

Penduduk Taman Iswara, K Kumaran, 41, berkata, lalat semakin bertambah terutama ketika ayam dan najis haiwan itu dibawa keluar dari reban.

"Masalah ini disebabkan ternakan ayam kira-kira 500 meter dari rumah. Kami terpaksa berhadapan dengan 'serangan' lalat dan bau najis ayam. Bau busuk lebih kuat apabila hujan.

"Mahu memasak, makan dan tidur siang pun jadi tak selesa. Anak yang sedang mengikuti kelas pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) juga rasa tidak selesa. Dulu, kami juga malu mahu menghidangkan makanan kepada tetamu," katanya semalam.

Kumaran berkata, pelbagai usaha dilakukan bagi mengatasi masalah itu, namun tiada jalan



Makanan juga tak terlepas daripada serangan lalat.

penyelesaian dan masalah bau serta gangguan lalat berlarutan.

"Kami juga membuat aduan kepada wakil rakyat, Jabatan Veterinar dan Majlis Perbandaran Manjung (MPM).

"Penduduk juga berjumpa pengusaha meminta supaya menjaga kebersihan tetapi masalah tetap tak selesai.

"Kami berharap pihak berkaitan bertindak tegas dan menutup reban berkenaan atau pindah ke tempat lain yang jauh dari penduduk," katanya.

Penduduk Kampung Batu 19, S Hakeshkumar, 25, berkata, masalah itu juga dikhuatiri menjejaskan kesihatan penduduk, terutama warga emas.

Katanya, jarak antara rumahnya dengan reban itu kira-kira 50 meter dan lori ayam keluar masuk, tiga kali seminggu.

"Apabila memasak, lalat menghirup dan boleh mencemarkan makanan serta boleh menjejaskan kesihatan. Apatah lagi ibu saya kurang sihat dan menghidap leukimia.

"Apabila lori ayam masuk, air najis jatuh mencemari jalan dan

berbau busuk. Pintu dan tingkap rumah kami memang selalu ditutup," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Perak, Dr Ahmad Shafri Hassan, berkata terdapat dua pengusaha ternakan ayam di kawasan berkenaan yang mempunyai lesen dan dalam pemantauan pihaknya.

Beliau berkata, kedua-dua reban sudah kosong dan diarahkan untuk tidak membawa masuk anak ayam baharu, susulan aduan diterima.

"Kita akan mengeluarkan notis untuk menggantung sementara operasi mereka tempoh terdekat dan kita akan melihat semua aspek yang mencetus kacau ganggu lalat serta perkara yang perlu dibaiki penternak.

"Apabila sudah ada tindakan penambahbaikan yang kita berpuas hati, mereka boleh beroperasi semula.

"Kita akan membatalkan lesen jika pengusaha gagal mematuhi arahan dan menambah baik pengurusan untuk menangani masalah," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/7/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	8

Dana RM400j bantu petani, peladang, nelayan

Kuala Lumpur: Golongan petani, peladang dan nelayan di negara ini terus dibantu dengan pembiayaan bernilai RM400 juta diperuntukkan bagi menyokong industri pertanian dan makanan negara.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, berkata di bawah skim itu, RM350 juta adalah peruntukan di bawah Skim Pembiayaan Mikro-kredit Agrobank.

"Setakat 2 Julai lalu, sebanyak RM167.98 juta disalurkan di bawah skim berkenaan (Skim Pembiayaan Mikro-kredit Agrobank) yang memanfaatkan 13,720 perusahaannya kecil dan sederhana

(PKS) mikro pertanian," katanya dalam Laporan LAKSANA Ke-61 yang dikeluarkan semalam.

Mengenai sokongan penggunaan teknikal dan digital bagi PKS dan syarikat di peringkat pertengahan (MTC), sejumlah RM76.62 juta telah disalurkan kepada 13,873 perniagaan dalam bentuk geran dan pinjaman untuk langganan perkhidmatan digitalisasi setakat 2 Julai lalu.

Bagi program kemahiran dan peningkatan kemahiran, beliau berkata, setakat 2 Julai lalu, seramai 149,791 peserta diluluskan untuk mengambil bahagian dalam program yang disediakan.

Mengenai elauan khas barisan

hadapan pula, setakat 2 Julai, sebanyak RM962.35 juta disalurkan berdasarkan 2,383,898 tuntutan yang terdiri daripada doktor, jururawat dan kakitangan perubatan lain yang terlibat secara langsung dalam pengurusan dan membendung wabak COVID-19.

Bagi Inisiatif Pemulihan Agensi Pembangunan Ekonomi Budaya Malaysia (CENDANA), Tengku Zafrul berkata, kerajaan merunutkan sebanyak RM10 juta yang dijangka akan memafaatkan 3,000 penerima daripada kalangan seniman dan organisasi di dalam sektor seni dan budaya Malaysia.

Beliau berkata, penerima akan

menerima saiz geran yang berbeza bergantung kepada permohonan dan program yang disasarkan.

"Setakat 2 Julai, RM4.22 juta disalurkan kepada 520 penerima. Pengekat industri kreatif adalah disaran untuk menggunakan peluang kemudahan yang disediakan dan boleh memohon bantuan dari kedua agensi berkaitan dengan melayari www.mycreative.com.my/penjana dan www.cendana.com.my untuk maklumat lanjut," katanya.

Sementara itu, katanya, konsultasi bersama UMMNO, PAS dan Gabungan Parti Sarawak (GPS) diadakan bagi mendapat input

yang boleh menambah baik Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Beliau yang juga Menteri Peningkasan PPN berkata, konsultasi itu adalah sebagai langkah permulaan ke arah pembabitkan semua pihak dalam menjayakan pelan berkenaan, sekali gus menunjukkan sifat keterbukaan kerajaan dalam mengemudi negara dengan membabitkan semua pihak berkepentingan demi rakyat keseluruhannya.

"Dalam mendepani cabaran COVID-19, bantuan untuk semua pihak harus dihulur melangkaui perbezaan pendapat dan matlamat politik masing-masing," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/7/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	13

Durian Paduka kebanggaan Perak

Oleh AIN SAFRE BIDIN
 utusannews@mediamulla.com.my

PASIR SALAK: Pernah dinobatkan durian terbaik dalam pertandingan durian peringkat negeri pada 1985, durian Paduka yang berasal dari sini wajar menjadi kebanggaan negeri ini.

Pengerusi Eksekutif Institut Agro Usahawan (iGROW), Nordin Abdul Malek berkata, kebanggaan durian Paduka wajar dikembalikan semula, kerana ia merupakan antara jenama durian terbaik di Perak malah di negara ini.

Menurutnya, jika negeri lain seperti Pahang terkenal dengan pengeluar *Musang King*, Pulau Pinang pula dengan durian Udang Merah, jadi durian Paduka sepatutnya dijadikan antara jenama atau identiti Perak.

"Durian paduka sewajarnya menjadi buah kebanggaan negeri ini. Saiz buahnya tidak besar tapi setiap pangsa sentiasa penuh dengan warna kuning keemasan.

"Rasanya lemak, manis, ada gas serta biji kecil dan rasanya sedap," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini.

Nordin berharap suasana



NORDIN Malek menunjukkan buah durian Paduka yang ditanam di Kompleks Warisan Pertanian iGrow di Pulau Tiga, Pasir Salak baru-baru ini.

meriah di Kampung Gajah dikembalikan seperti sebelum ini. Katanya, kini pasaran durian dikuasai oleh durian luar

sedangkan Kampung Gajah dan Pasir Salak juga mempunyai durian kebanggaan sendiri.

"Suatu ketika dahulu, kawasan Kampung Gajah dan Pa-

sir Salak meriah dengan kehadiran orang luar yang datang ke sini membeli durian kampung, ibarat pesta setiap kali musim durian," katanya.

Durian Paduka mendapat namanya sempena tempat ia ditanam di Kampung Tok Paduka Raja di sini dan nama itu diberikan oleh bekas Menteri Besar Perak, Tan Sri Rami Ngah Talib pada pertandingan durian peringkat negeri di Kampung Gajah pada 1985.

Nordin berkata, ketika ini dusun di iGROW mempunyai kira-kira 120 batang pokok pelbagai variasi durian kampung dan daripada jumlah itu dianggarkan hanya terdapat 10 batang pokok durian Paduka.

Katanya, durian Paduka dilabel sebagai D148 oleh Jabatan Pertanian yang mampu mengeluarkan antara 200 hingga 300 biji buah setiap pokok.

"Kami tidak menjual durian Paduka yang ada di dusun iGROW di sini tetapi hanya dibidangkan kepada keluarga, rakan dan kenalan atau pelanggan iGROW.

"Benih D148 atau benih durian paduka dijual pada harga serendah RM50 setiap satu," katanya.

Menurutnya, pengunjung luar negara turut datang ke iGROW untuk menikmati durian paduka.